

Lulusan ITE raih Anugerah Tay Eng Soon, cemerlang di NYP



EG 1105 NIKMAT MEMBURU ILMU:
Encik Fauzan Abdul Aziz kikis sikap negatif dan sentiasa dahagakan pengetahuan baru, khususnya ilmu teknologi maklumat dan berbilang media. – Foto HARYANI ISMAIL

SEWAKTU di bangku Sekolah Menengah Admiralty lebih sedekad lalu, Encik Fauzan Abdul Aziz menduga kesabaran guru dengan kerap ponteng sekolah dan datang lambat.

Beliau nyaris-nyaris diberhentikan sekolah kerana peri laku nakalnya yang sukar ditangani guru.

Tatkala dibelenggu bermacam masalah keluarga, Encik Fauzan hanya mencari ruang melarikan diri daripada kesulitan itu dengan bekerja sambil.

Banyak pekerjaan dicubanya sejak usia 15 tahun, daripada pelayan kepada pekerja pentadbiran dan jurujual. Namun selepas tamat peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) peringkat 'N', anak kedua dalam tiga adik-beradik (termasuk seorang adik tiri) itu berasa beliau tidak boleh selamanya hidup tanpa dorongan belajar.

Encik Fauzan mengubah diri apabila mengambil keputusan meneruskan pengajian Sijil Nitec Lanjutan dalam Keselamatan Rangkaian di Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Kolej Timur.

Beliau lebih fokus pada pelajaran

hingga memenangi banyak anugerah, termasuk Biasiswa Lee Kuan Yew Bagi Menggalak Peningkatan (LKY-STEP) kerana meneruskan pelajaran ke Politeknik Nanyang (NYP).

Lebih membanggakan baru-baru ini, Encik Fauzan, 27 tahun, menutup tirai pengajiannya di NYP dengan mendapat Anugerah Tay Eng Soon bagi pelajar ITE yang memperingkatkan kemahiran. Beliau mencapai Gred Purata Mata (GPA) 3.98 bagi kursus Diploma Berbilang Media dan Teknologi Infokom.

Sebagai pemuda yang sentiasa dahagakan pengetahuan baru, Encik Fauzan kini menjalani inisiatif SkillsFuture, Program Bekerja dan Belajar (ELP). Beliau mengikuti diploma spesialis sambil bertugas sebagai jurutera sofwe di firma perunding cara pengurusan, khidmat teknologi dan khidmat luaran global, Accenture.

Encik Fauzan berkata: "Dahulu, saya hilang tumpuan pada pelajaran kerana banyak masalah keluarga. Hubungan dengan guru sekolah menengah renggang maka saya rasa

lebih mudah bina hidup baru di ITE. Itulah institusi yang mencorak diri saya menjadi 'Fauzan' yang lebih bermotivasi."

Beliau banyak meraih dorongan daripada teman olahraganya, seorang pelajar politeknik yang melalui masalah kewangan keluarga.

"Teman saya juga bermasalah tetapi fokus pada pelajaran, kegiatan sukan dan juga pekerjaan sambilannya," katanya.

Encik Fauzan kini menyifatkan perancangan awal dalam melakar pelan kerjaya amat mustahak. Pemikiran positif juga penting kerana apabila kita memilikinya, barulah kita boleh menjadikan segala cita-cita itu kenyataan," katanya.

Kesihatan amat dititikberatkan dengan menyertai sukan panjat tembok, bermain bola sepak dan bersenam di gimnasium.

"Kalau anda sihat, 'mood' anda pun baik. Anda akan rasa segar. Tiada apa pun yang akan menghalang impian anda," katanya yang berharap dapat meneruskan pengajian ijazah dengan cita-cita menjadi penyarah di NYP suatu hari nanti.